



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 8 /2001
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGAMBILAN KAKITANGAN BERGAJI HARI

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan yang berhajat untuk mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian/Jabatan secara bergaji hari yang dibayar dari **peruntukan gaji kakitangan** khusus bagi lepasan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) hendaklah mengikut tatacara berikut:

1. Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan hendaklah menyediakan iklan kekosongan jawatan dengan memasukkan maklumat berikut:
 - a) nama jawatan;
 - b) tanggagaji;
 - c) pemohon-pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - d) kelayakan akademik minimum serta huraian tugas dan tanggungjawab;
 - e) tarikh permohonan ditutup;
 - f) alamat ke mana permohonan-permohonan patut dihantar dan dari mana penerangan yang lebih lanjut boleh diperolehi.

Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan bolehlah mengeluarkan iklan berkenaan dengan memberi salinan kepada Pesuruhjaya Buruh, Pengarah Radio Televisyen Brunei dan Pengarah Penerangan untuk dibukakan dan disebarluaskan kepada orang awam dalam tempoh yang difikirkan bersesuaian oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan.

2. Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari yang dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pentadbiran di Kementerian atau Ketua/Timbalan Ketua Jabatan dengan bilangan ahli sekurang-kurangnya 5 orang yang antara lain berperanan dan bertanggungjawab untuk:
 - a) Memastikan calon hendaklah :
 - i) Terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;



- ii) Memenuhi Skim Perkhidmatan atau Syarat Kelayakan bagi jawatan berkenaan;
 - iii) Mempunyai kelulusan dari institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- a) Menemuduga dan mengadakan ujian bertulis.
 - b) Membuat rumusan/sokongan calon yang disokong/tidak disokong dengan ulasan kepada Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing.
3. Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan bolehlah melantik calon yang berjaya dengan syarat-syarat berikut:
- a) Lantikan adalah secara sementara sahaja iaitu sehingga kekosongan jawatan diisikan. Surat lantikan boleh dibuat seperti yang disertakan di Lampiran 1. Salinan surat lantikan hendaklah dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Pengarah Perkhidmatan Kewangan, Juruaudit Agung, Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja dan Pesuruhjaya Buruh.
 - b) Pembayaran gaji mereka hendaklah daripada peruntukan jawatan berkenaan sebagaimana yang terdapat di dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi tahun berkenaan.
 - c) Gaji yang diberikan berasaskan gaji permulaan bagi tanggagaji jawatan berkenaan dibahagi dengan 22 (purata hari bekerja sebulan) dan tidak ada kenaikan gaji tahunan.
 - d) Peraturan-peraturan lain tertakluk kepada Surat Keliling yang mengawal perkhidmatan pekerja-pekerja bergaji hari yang berkuatkuasa dari semasa kesemasa.
4. Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan hendaklah menilai akan kesesuaian calon yang dilantik secara bergaji hari itu sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh lantikan dan jika didapati bersesuaian sokongan bolehlah dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk dilantik secara tetap. Jika calon didapati tidak bersesuaian, perkhidmatannya terpaksa ditamatkan dan kekosongan jawatan berkenaan bolehlah diiklankan semula.



5. Tatacara ini berkuatkuasa mulai dari Surat Kelliling dikeluarkan dan tatacara pengambilan di dalam Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam bilangan 19/2000 beartarikh 23 Safar 1421 bersamaan dengan 27 Mei 2000 adalah masih dikekalkan selain daripada pengambilan lepasan Ijazah dan Diploma Tettinggi Kebangsaan (HND).

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah pekenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (8)/JPM/SK/2001
Tarikh : 18 Rejab 1422
06 Oktober 2001



جباتن فرخدمتن عوام

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tel. : 382469

Faks : 382565

Rujukan kami: KTN/01(MHN)

Tarikh:

Safar 1422
Mei, 2000

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته


CONTOH

Yang Mulia,
Dayang Siti binti Muhammad,
No.5 Spg 15,
Kampung Katok, Gadong BE 2319
Negara Brunei Darussalam.

Dayang,

Dengan hormatnya sukacita dimaklumkan bahawa Dayang adalah dengan ini dilantik bagi memenuhi jawatan kosong di Jabatan ini iaitu sebagai **PEGAWAI KAKITANGAN** bergaji hari dengan kadar gaji dan syarat-syarat yang dinyatakan di bawah ini:-

- a) Dayang akan dibayar gaji sebanyak **\$ 103.00** sehari **selama 1 tahun**.
- b) Perkhidmatan Dayang adalah secara sementara sahaja dan akan ditamatkan sebaik-baik saja kekosongan jawatan tersebut diisikan secara tetap.
- c) Jawatan **Pegawai Kakitangan** adalah jawatan yang diperuntukan di dalam Buku Anggaran Belanjawan (Established Post) dan kenaikan gaji tahunan adalah tidak diberikan.
- d) Dayang adalah dikehendaki memasuki Skim Tabung Amanah Pekerja serta diwajibkan mencarum 5% (lima peratus) daripada gaji pokok ke Tabung Amanah Pekerja. Pihak Kerajaan akan menyumbangkan tambahan 5% lagi berdasarkan kepada gaji pokok Dayang.
- e) Dayang akan berhak mendapat cuti tahunan bergaji penuh **sebanyak tujuh (7) hari** pada setiap tahun perkhidmatan yang penuh dan memuaskan dan cuti selanjutnya menurut Surat Keliling Pejabat SUK. Bil:58/1960.
- f) Dayang juga akan berhak mendapat cuti **kelepasan awan** bergaji penuh **sebanyak sembilan (9) hari dalam setahun** seperti yang akan ditentukan pada tiap-tiap tahun oleh Jabatan ini untuk pekerja-pekerja bergaji hari.
- g) **Waktu berkerja** ialah hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu mulai jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengahari dan dari 1.30 petang hingga 4.30 petang.
- h) Dayang hendaklah sentiasa bersedia untuk menjalankan tugas di mana-mana saja Dayang akan ditempatkan, dan berkhidmat dengan taat dan setia kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



جباتن فرخدمتن عوام

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tel. : 382469
Faks : 382565

Rujukan kami: KTN/01(MHN)

- i) Jika Dayang **tidak hadir** bekerja atau tidak ada berada ditempat pekerjaan dengan tidak mendapat sebarang kebenaran bertulis dari Ketua Dayang, maka tindakan tata-tertib akan dikenakan yang mungkin melibatkan Dayang diberhentikan kerja.
- j) Perkhidmatan Dayang di Jabatan ini akan **boleh ditamatkan** dengan memberi Dayang notis sekurang-kurangnya dalam tempoh empat belas hari sebelum perkhidmatan Dayang ditamatkan jika sekiranya kelakuan atau pekerjaan Dayang didapati tidak memuaskan.
- k) Jika sekiranya Dayang berhajat untuk **berhenti kerja**, Dayang adalah dikehendaki memberi notis selewat-lewatnya dalam tempoh empat belas hari dari tarikh sebelum Dayang berhenti kerja. Jika Dayang gagal untuk memberi notis dalam tempoh tersebut maka Dayang akan dikehendaki membayar sejumlah wang yang bersamaan dengan sejumlah gaji bagi tempoh empat belas hari yang terakhir yang Dayang terima, pada mengikut kuatkuasa Bahagian 12 dari Undang-Undang Buruh Negara Brunei (1954).
- l) Lain-lain syarat perkhidmatan pekerja-pekerja bergaji hari adalah mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini dan tertakluk kepada perubahan-perubahan dibuat dari masa ke semasa.
- m) Dayang adalah juga dikehendaki terlebih dahulu menjalani **pemeriksaan kesihatan** serta mendapat **Sijil Pengakuan Kesihatan** dari Doktor Kerajaan dengan seberapa segera.

Sukacita jika Dayang akan dapat memberi jawapan bertulis kepada saya dengan seberapa segera jika sekiranya Dayang menerima lantikan ini dengan syarat-syarat yang tersebut di atas atau sebaliknya.

"Setiakawan, Syura dan Bermuafakat Membawa Berkat"

Dengan hormat,

bp Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

s.k
Juruaudit Agung
Pengarah Perkhidmatan Kewangan
Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja
UPK1/upk14